

Projek tebatan banjir lambat mula disebabkan kos pengambilan tanah yang tinggi

Oleh Fahmy A Rosli - November 1, 2023



Menteri Sumber Asli dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad

Kuala Lumpur : Kerajaan mengakui pelaksanaan pembinaan projek tebatan banjir mengambil masa lama untuk dimulakan kerana berhadapan beberapa masalah, antaranya terpaksa menanggung kos pengambilan tanah yang tinggi.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata justeru pihaknya akan mencari jalan untuk mempercepatkan pelaksanaan projek terbabit, sekali gus mengatasi masalah banjir di kawasan terkesan.

"Bagi projek tebatan banjir, ini adalah projek besar. Ia adalah sebuah projek kejuruteraan besar. Kadang-kadang proses pengambilan tanah itu saja kosnya kita dengar besar, bukan (kos pembinaan) infrastruktur itu sendiri.

"Tetapi proses pengambilan tanah kita bekerjasama dengan kerajaan negeri untuk dilakukan. Itu juga mengambil masa yang panjang dan seterusnya bila nak mula kerja (pembinaan), itu pun satu proses yang mungkin (mengambil masa) dua tiga tahun atau lebih. Itu semua yang kita telah maklumkan dari awal.

"Ya saya faham, tentulah di peringkat penduduk kampung dan sebagainya dalam keadaan mereka tentu risau tiap-tiap musim banjir dan sebagainya. Tetapi bila projek sebesar ini dibuat, ia akan ambil masa beberapa tahun untuk kita cuba cari

penyelesaian yang lebih berjangka panjang," katanya ketika menggulung perbahasan Belanjawan 2024 di Dewan Rakyat, hari ini.

Terdahulu, Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff (PN-Rantau Panjang) mencelah sesi berkenaan dengan bertanyakan kepada menteri berhubung kebimbangan penduduk di kawasan Parlimennya terhadap isu banjir setibanya musim monsun timur laut.

Siti Zailah berkata, pam yang dibekalkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) masih tidak mampu untuk menangani bencana itu sehingga terus berlaku banjir.

Oleh yang demikian, Siti Zailah mahu mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai status pelaksanaan projek tebatan banjir di kawasan Parlimennya yang belum dimulakan kerana dikatakan pada masa ini masih di peringkat tender.

Beliau berharap ada penyelesaian di pihak JPS untuk memastikan supaya banjir tidak memberi kesan yang sangat teruk terutama penduduk di kawasan berisiko tinggi.

-Berita Harian